

Headline	Pertingkat penguat kuasa hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 May 2017	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	32	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,590
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,769



Pertingkat penguat kuasa hutan

KUALA LUMPUR 16 Mei - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengkaji semula tahap kuasa dan jawatan bagi penguat kuasa hutan supaya skop kerjaya mereka bukan sahaja terhenti pada tahap renjer hutan tetapi diperluaskan sehingga ke jawatan pengarah.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya meminta Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Nor Akhiruddin Mahmud untuk membincangkan perkara terbabit dengan Ketua Setiausaha-hanya, Datuk Seri Azizan Ahmad sebelum cadangan tersebut dibawa kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Katanya, pihaknya melihat tugas penguat kuasa adalah satu daripada bidang yang amat penting dalam Jabatan Perhutanan ketika ini, justeru, memerlukan bidang kuasa yang lebih luas.

"Saya berharap pada tahun ini kita boleh selesai mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak. Kalau boleh pada tahun depan kita akan berjumpa

dengan JPA mengenai perkara ini.

"Dengan menaik taraf kedudukan penguat kuasa ini, kita bukan sahaja dapat memberi motivasi kepada mereka tetapi peluasan kuasa penguat kuasa ini boleh membantu usaha kerajaan untuk membanteras pembalakan haram," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2016/2017 di **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**, Kepong di sini, hari ini.

Sementara itu, Wan Junaidi berkata, pihaknya juga akan mengkaji supaya tiga Institut Latihan Perhutanan (Fortrain) dapat dinaik taraf dengan menawarkan kelulusan diploma serta ijazah pada masa depan.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kejadian dua pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang maut kerana dihempap sebatang pokok yang tumbang di Lata Charok, Janda Baik, Pahang baru-baru ini, beliau berkata, pasukan penyelidik telah dihantar bagi menyiasat mengenai perkara terbabit.